

21/02/1998

RM14.6 juta biayai penuntut baru di Jepun

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kedutaan Jepun di sini sedang berusaha mendapatkan RM14.6 juta daripada kerajaannya bagi membiayai pengajian 250 pelajar baru Malaysia di institusi pengajian tinggi negara itu.

Dutanya, Issei Nomura, berkata pihaknya juga berusaha mendapatkan pinjaman baru yen bagi menanggung pengajian pelajar Malaysia untuk tempoh dua atau tiga tahun akan datang, sehingga kegawatan ekonomi negara ini pulih.

Menurutnya, tindakan segera perlu bagi menangani masalah dalam 'waktu genting' ekoran kegawatan ekonomi bagi memastikan program penghantaran pelajar ke Jepun mengikut Dasar Pandang Ke Timur dapat diteruskan.

Beliau berkata, program yang dimulakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1982 itu menghadapi krisis disebabkan pemotongan perbelanjaan Kerajaan Malaysia baru-baru ini.

"Kira-kira 250 pelajar Malaysia yang sudah mengikuti kursus persediaan khas selama dua tahun mungkin tidak dapat ke Jepun bulan depan bagi menamatkan pelajaran mereka.

"Pengambilan pelajar baru untuk mengikuti kursus persediaan itu juga masih belum dimulakan," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Nomura berkata, pihaknya sentiasa berhubung dengan agensi kerajaan di sini seperti Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai perkara itu.

"Kami berharap Kerajaan Malaysia segera membuat keputusan mengenai perkara ini kerana sesi pengajian di IPT Jepun akan bermula April," katanya.

Ketika lawatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ke Tokyo baru-baru ini, Menteri Luar Jepun, Keizo Obuchi, menyatakan kesediaan kerajaannya membantu Malaysia meneruskan penghantaran pelajarannya.

Obuchi juga menyatakan kesanggupan Jepun untuk terus membiayai program Yayasan Pelajaran Mara dan menganggap penghantaran berterusan pelajar Malaysia sebagai simbol hubungan baik di antara kedua-dua negara.

Kerajaan Jepun memperuntukkan satu bilion yen (RM33 juta) setahun bagi pelaksanaan program Dasar Padang Ke Timur.

Nomura berkata, pihaknya juga menggesa sektor swasta Jepun menyumbang bagi memastikan kesinambungan Dasar Pandang Ke Timur. Jepun yakin Malaysia akan meneruskan dasar itu selepas tahun 2000 seperti dinyatakan Dr Mahathir ketika lawatan rakan sejawatannya, Ryutaro Hashimoto, Januari tahun lalu.

(END)